

18/02/2003

Semarak spekulasi KM Sabah semakin hangat

Lichong Angkui

IKUT hierarki parti atau kerajaan? Pemimpin senior atau pelapis? Atau mungkinkah berlaku kejutan baru?

Inilah antara teka-teki yang menjadi bualan hangat rakyat Sabah kini mengenai siapa bakal menjadi Ketua Menteri ke-14 selepas berakhirnya penggal dua tahun Datuk Chong Kah Kiat, 27 Mac ini.

Dengan pengesahan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa Umno akan mengambil alih giliran selepas ini untuk mewakili kuota Bumiputera Islam, spekulasi semakin menjurus kepada beberapa nama dalam kepemimpinan Umno Sabah.

Kalau sebelum ini ada juga desas-desus menyebut kemungkinan diubah suai

susunan sistem penggiliran dengan memberi peluang kepada pemimpin Bumiputera bukan Islam (Kadazandusun/Murut) bagi melengkapkan pusingan kedua kali ini, kenyataan Perdana Menteri minggu lalu bahawa Umno tetap mengambil alih melenyapkan satu daripada bab spekulasi politik Sabah.

Pada pusingan pertama dulu, ketiga-tiga kelompok masyarakat utama di Sabah mendapat peluang masing-masing walaupun tempohnya tidak sama - bermula pada 1994 dengan kuota Bumiputera Islam (Tun Sakaran Dandai dan Datuk Seri Salleh Said), diikuti Cina (Datuk Yong Teck Lee) dan kemudian Bumiputera bukan Islam (Tan Sri Bernard Dompok).

Pada pusingan kedua selepas pilihan raya negeri 1999, ia diubah suai dengan dimulakan pemimpin mewakili kuota Bumiputera Islam (Datuk Osu Sukam), kemudian Cina (Datuk Chong Kah Kiat) dan kini akan kembali kepada

Umno mewakili kuota Bumiputera Islam.

Mengikut perubahan sistem itu, Umno diberi peluang dua kali dengan mengambil kira statusnya sebagai parti berpengaruh dengan mendominasi kerusi dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah.

Ketika Kah Kiat menghitung hari-hari terakhirnya, ahli Umno Sabah menantikan penuh debaran siapa antara pemimpin mereka bakal diangkat menduduki kerusi nombor satu memegang kuasa eksekutif kerajaan yang kini berpejabat di tingkat 17, Wisma Innoprise, Teluk Likas itu.

Petanda awal mungkin dapat dilihat apabila Kah Kiat bercuti panjang penghujung bulan ini atau awal bulan depan kerana pemimpin yang dilantik memangku jawatan Ketua Menteri (jika daripada Umno) berkemungkinan besar mengambil alih.

Jika mengikut hierarki parti di Sabah, Pengerusi Badan Perhubungan Umno

negeri, Datuk Musa Aman, tentunya dalam kedudukan selesa, diikuti timbalannya, Datuk Seri Salleh Said yang juga Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno yang dipilih.

Musa yang juga Menteri Kewangan negeri ialah Ahli Dewan Undangan Negeri

(Adun) Sungai Sibuga, manakala Salleh yang juga Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan negeri ialah Adun Usukan dan Ahli Parlimen Kota Belud.

Jika mengikut kekananan hierarki kerajaan negeri pula, Timbalan Ketua Menteri, Datuk Lajim Ukin, yang juga Ahli MT Umno yang dipilih, mungkin

menjadi pilihan utama, diikuti beberapa menteri Kabinet negeri daripada Umno, antaranya Menteri di Jabatan Ketua Menteri, Datuk Abdul Ghapur Salleh.

Semua pemimpin berkenaan adalah nama besar dan mengukir sejarah di persada politik Sabah. Mereka adalah orang lama, senior dan berketrampilan dengan gaya kepemimpinan tersendiri. Inilah antara senario yang dapat digambarkan jika pelantikan dibuat berdasarkan hierarki parti atau kerajaan.

Namun, Umno Sabah sebenarnya tidak ketandusan pemimpin. Kini semakin panjang senarai pemimpin pelapis muda dalam Umno Sabah yang ada ketokohan, karisme dan kredibiliti tersendiri.

Nama-nama pemimpin pelapis seperti Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri, Datuk Abdul Rahim Ismail; Pembantu Menteri Kewangan, Datuk Hajiji Mohd Noor; Pembantu Menteri Pembangunan Pelancongan Sains dan Teknologi, Datuk Karim Bujang; dan Pembantu Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan, Datuk Sapawi Ahmad, sebenarnya tidak asing lagi dalam Umno Sabah.

Mereka adalah pemimpin yang mempunyai penyokong akar umbi yang cukup teguh lantaran perjuangan mereka bermula di situ.

Dalam pada itu, pada peringkat Kerajaan Pusat, Umno Sabah juga mempunyai beberapa tokoh seperti Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Kasitah Gaddam; Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman; dan Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Shafie Apdal.

Mereka bagaimanapun tidak menduduki kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) yang menjadi antara syarat pelantikan seseorang Ketua Menteri, sebaliknya menjadi senator atau Ahli Parlimen.

Penganalisis politik tidak menolak kemungkinan berlaku kejutan baru sekiranya pelantikan Ketua Menteri tidak mengikut hierarki parti atau kerajaan di Sabah.

Sambil merujuk kejutan pelantikan Menteri Besar Selangor sebelum ini dan perubahan dalam Umno Kelantan baru-baru ini, penganalisis politik berpendapat tidak mustahil juga jika senario sama berlaku di Sabah.

Yang jelas, deruan angin spekulasi semakin kencang bertiup di Negeri Bawah Bayu - menyemarakkan suasana politik Sabah yang tidak pernah lesu daripada isu dan polemik berterusan.